

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Empat

### Sejarah Tabut dan Tabernakal

Bacaan Bible: 1 Sam. 4:1—7:2

- I. **Kristus telah memperoleh kita agar kita dapat memperoleh-Nya supaya Tuhan dapat dibina ke dalam kita dan kita dapat dibina ke dalam-Nya untuk menjadi Tuhan-manusia yang korporat, iaitu realiti gereja sebagai tabernakal Tuhan, yakni rumah bagi Tuhan yang hidup, tempat saling tinggal bagi Tuhan dan manusia—Flp. 3:8, 12-14; Yoh. 1:14; Wahi 21:2-3; 7:15; 1 Tim. 3:15; Yoh. 14:2, 23.**
- II. **Untuk masuk ke dalam realiti Tubuh Kristus, kita harus melihat makna intrinsik Tabut:**
  - A. Tabut mentamsilkan Kristus yang merupakan hadirat Tuhan Tritunggal bersama dengan umat-Nya untuk melaksanakan ekonomi-Nya bagi mendirikan kingdom-Nya di bumi—Mat. 1:23.
  - B. Tabut ialah pusat dan isi kandungan tabernakal, yang menandakan Kristus ialah pusat dan isi kandungan gereja; Tabut merupakan butir yang pertama disebut dalam visi tabernakal menunjukkan bahawa Kristus menduduki tempat pertama dalam gereja—Kel. 25:22; Kol. 1:17b, 18b:
    1. Tabut mengandungi loh hukum sebagai kesaksian Tuhan, iaitu ekspresi dan wahi tentang apanya Tuhan—Kel. 25:16; 31:18.
    2. Tabut di dalam Tempat Maha Kudus menandakan Kristus sebagai pusat tempat huni Tuhan, iaitu gereja (Ef. 2:21-22), dan isi kandungan gereja sebagai rumah Tuhan (1 Tim. 3:15-16; bd. 1 Sam. 4:22; Wahi 3:20).
  - C. Tabut kayu penaga bersalut emas menandakan Kristus pneumatik sebagai perjasadan Tuhan dan sebagai pembauran kedivinan dengan keinsanan, pembinaan Tuhan dengan manusia, huni dalam roh kita untuk kita menghubungi Tuhan dan menikmati Tuhan—2 Tim. 4:22; 2 Kor. 3:17; Kol. 2:9; Ibr. 9:4:
    1. Kayu penaga menandakan keinsanan Kristus, yang teguh sifatnya dan tinggi standardnya; keinsanan Kristus ialah substans asas untuk mengekspresikan Tuhan—Kel. 25:10; Mat. 3:16; 4:4; 8:20; 9:12-13; 11:29; 12:19-20; 17:27; 20:28; 27:12, 14; Mrk. 1:35; 6:39-41; Yoh. 6:12; 7:6; bd. Kis. 16:7.
    2. Kayu penaga bersalut emas di dalam dan di luar menandakan sifat divin meresapi sifat insani dan ditampung pada sifat insani agar sifat divin dapat diekspresikan menerusi sifat insani—Kel. 25:11; Wahi 3:18a; 2 Ptr. 1:4; bd. Wahi 17:4.
  - D. Penutup propisiasi Tabut menandakan Kristus sebagai tempat pertemuan Tuhan dan umat yang ditebus-Nya—Kel. 25:17-22:
    1. Kristus ialah Dia yang mempropisiasi (Ibr. 2:17), Dia yang meredakan hubungan antara Tuhan dengan kita, Dia yang memperdamaikan kita dengan Tuhan dengan memuaskan tuntutan Tuhan menerusi Dia sendiri sebagai korban propisiasi (1 Yoh. 2:2; 4:10).
    2. Kristus juga ialah penutup propisiasi yang mempunyai penyinaran kedivinan-Nya dan penebusan keinsanan-Nya, iaitu tempat kita menikmati propisiasi di hadapan Tuhan dan tempat kita dapat bertemu dan bersekutu dengan Tuhan kita yang adilbenar, kudus, dan mulia untuk menerima Dia sebagai kurnia—Roma 3:25; Ibr. 4:16:
      - a. Dua kerub daripada emas di atas penutup propisiasi menunjukkan bahawa kemuliaan Tuhan bersinar keluar daripada Kristus (Kel. 25:18-20); darah korban propisiasi direnjiskan di atas penutup propisiasi Tabut menandakan

## SATU DAN DUA SAMUEL

### Mesej Empat (sambungan)

bahawa disebabkan darah penebusan Kristus, kita dapat bersekutu dengan Tuhan yang adilbenar di tengah-tengah kemuliaan-Nya (Im. 16:14-15).

- b. Semakin Tuhan bertemu dengan kita dan berbicara dengan kita, serta semakin kita bertemu dengan Tuhan dan mendengar pembicaraan-Nya, semakin banyaklah kesaksian Tuhan dalam pengalaman kita.

### III. Sejarah Tabut dan tabernakal menggambarkan hasrat hati Tuhan, ketandusan gereja, dan pemulihan gereja untuk kesaksian Tuhan, ekspresi Tuhan—Kel. 25:9-10; 26:26-30; 40:38:

- A. Sebagai pusat dan isi kandungan tabernakal, Tabut menandakan Kristus sebagai pusat dan isi kandungan gereja yang merupakan tabernakal Tuhan, rumah Tuhan, demi ekspresi korporat Tuhan—25:22; 40:21; Kol. 2:9; Ef. 2:21-22; 1 Tim. 3:15.
- B. Pada peringkat pertama sejarah Tabut, Tabut terletak di dalam tabernakal; ini menandakan bahawa gereja yang normal ialah ekspresi Kristus, dan Kristus ialah isi kandungan gereja; sungguhpun begitu, Tabut akhirnya dipisahkan daripada tabernakal; ini menandakan bahawa gereja menjadi jatuh dan kehilangan realiti dan hadirat Kristus—Kel. 40:34-35; 1 Sam. 4:1—7:2.
- C. Tabut mentamsilkan Kristus yang merupakan perjasadan Tuhan dan hadirat Tuhan Tritunggal bersama dengan umat-Nya untuk melaksanakan ekonomi-Nya bagi menubuhkan kingdom-Nya di bumi (Yos. 3:3, 10-17); membawa tabut keluar bererti membawa hadirat Tuhan keluar (Bil. 10:33-36; 1 Sam. 4:3-4).
- D. Pergerakan Tabut ialah gambaran bagi pergerakan Tuhan di bumi dalam Kristus yang merupakan perjasadan-Nya (Mzm. 68:1-18); namun sewaktu orang Israel berperang dengan orang Filistin, Tuhan tidak ingin bergerak.
- E. Bani Israel tidak memikirkan atau mengambil berat tentang ekonomi Tuhan; tindakan mereka membawa Tabut keluar untuk berperang dengan orang Filistin menunjukkan bahawa mereka mempergunakan Tuhan, malah memaksa Dia keluar bersama-sama mereka demi keselamatan, damai sejahtera, rehat, dan manfaat mereka.
- F. Dari segi prinsip, setiap kali kita berdoa untuk kemakmuran sendiri tanpa mempertimbangkan ekonomi Tuhan, kita juga melakukan hal yang sama; kita tidak harus mempergunakan Tuhan; sebaliknya kita harus berdoa, hidup, dan menjadi orang yang sama seperti Samuel yang menurut hati Tuhan dan untuk ekonomi-Nya.
- G. Hari ini manusia menggantikan kesaksian Tuhan dengan keperluan manusia; apabila keperluan manusia menggantikan kesaksian Tuhan, maka bermulalah kejatuhan dan timbullah masalah; Tabut bukan sahaja Tabut Tuhan (1 Sam. 4:11, 13, 17-19, 21-22) tetapi juga Tabut Kesaksian (Kel. 25:22; 40:21).
- H. Orang Israel sepatutnya bertaubat, mengaku dosa mereka secara tuntas, berpaling kepada Tuhan daripada berhala mereka, dan mereka sepatutnya bertanya kepada Tuhan tentang apa yang dikehendaki-Nya untuk dilakukan mereka.
- I. Sebaliknya, mereka tidak ada hati untuk hasrat Tuhan atau untuk ekonomi abadi-Nya, lalu mereka yakin pada Tabut secara tahayul berdasarkan kemenangan lepas yang dialami mereka menerusi pergerakan Tabut.
- J. Disebabkan kejatuhan Israel, Tabut dirampas oleh orang Filistin dan dipisahkan daripada tabernakal, menyebabkan tabernakal menjadi wadah kosong tanpa realiti, tanpa isi kandungan yang wajar (1 Sam. 4:11—6:1); ini menandakan bawa pada peringkat kedua sejarah gereja, gereja jatuh dan kehilangan realiti dan hadirat Kristus (bab 3—4; Wahi 3:20).

Mesej Empat (sambungan)

- K. Orang Israel yang jatuh adalah jahil kerana mereka tidak yakin kepada Tuhan secara langsung; sebaliknya, mereka yakin pada sistem yang ditetapkan Tuhan; sebelum membawa Tabut Tuhan keluar dari tabernakal, mereka sepatutnya bertanya kepada Tuhan seperti yang dilakukan oleh Yosua di Yerikho (Yos. 6:2-4; bd. 9:14).
- L. Dari bahagian terdalam roh kita, kita harus berkata kepada Tuan, “Tuan, aku berada di bumi bukan untuk kesihatanku, kemakmuranku, keselamatanku, damai sejahteraku, rehatku, atau manfaatku; oleh sebab aku ingin menjadi orang Nazir jayeng yang sebenar yang bekerjasama dengan Engkau demi penganapan ekonomi-Mu, maka aku bertanya kepada Engkau tentang hasrat hati-Mu padaku”—1 Sam. 2:30b, 35; Bil. 6:1-9; bd. 1 Raj. 8:48; Yer. 32:39.
- M. Oleh sebab orang Israel jatuh dan bersalah terhadap Tuhan ke tahap kemuncak, maka Tuhan meninggalkan mereka; akhirnya, Tabut tidak menyelamatkan orang Israel, sebaliknya Tabut itu sendiri dirampas, dan kemuliaan Tuhan beredar daripada Israel (1 Sam. 2:30, 34; 4:10-18, 22; Mzm. 78:61); “tidak ada Tabut” bererti “tidak ada Kristus”, dan “tidak ada Kristus” bermakna bahawa adanya “Ikabod”, yang bermakna *Tidak Ada Kemuliaan* (1 Sam. 4:21-22; Wahi 3:20).
- IV. Kemudian, Tabut dipulihkan dan mula-mula dibawa ke rumah Abinadab di Kiryat-Yearim, dan Tabut berada di sana selama dua puluh tahun (1 Sam. 6:2—7:2), dan selepas itu dibawa ke rumah Obed-Edom orang Gat dan berada di sana selama tiga bulan (2 Sam. 6:1-11; bd. 1 Sam. 1:24; Yos. 18:1); ini menandakan bahawa pada permulaan abad kedua, terdapat sebilangan “Obed-Edom” yang dibangkitkan; mereka mempunyai hadirat Tuan (Tabut) tetapi tidak mempunyai kehidupan gereja yang wajar sebagai ekspresi Kristus (tabernakal).**
- V. Daud memindahkan Tabut dari rumah Obed-Edom ke khemah yang disediakan baginya bagi Tabut di kotanya sendiri, di Gunung Zion, tempat terbaik di Yerusalem (2 Sam. 6:12-19; 1 Taw. 15:1—16:1); situasi ini mempunyai kemajuan, namun Tabut masih berada di tempat yang tidak wajar kerana ia belum kembali ke tabernakal:**
- A. Situasi ini menandakan bahawa percayawan-percayawan lain, seperti Daud, menjaga kepentingan Tuhan dan cuba mengamalkan kehidupan gereja menurut pilihan mereka sendiri, bukan menurut wahi Tuhan.
- B. Percayawan ini mempunyai Kristus, tetapi mereka mempunyai-Nya sambil mengamalkan kehidupan gereja yang tidak wajar (yang ditamsilkan oleh khemah Daud di Yerusalem)—bd. 1 Raj. 3:3-15.
- VI. Akhirnya, setelah Salomo menyiapkan pembinaan bait di Yerusalem, Tabut dipindahkan ke dalam Tempat Maha Kudus dalam bait; ini merupakan pemulihan yang penuh kepada situasi yang normal; hari ini dalam pemulihannya, Tuan sedang bekerja untuk memulihkan keadaan yang normal, iaitu Kristus berada dalam gereja yang wajar yang merupakan realiti Tubuh Kristus untuk menjadi ekspresi-Nya—8:1-11, 48; Ef. 2:21-22; 3:16-21.**
- VII. Sejarah Tabut dan tabernakal merupakan pralambang bagi sejarah gereja; ini memberi kita satu gambaran penuh berkenaan perjalanan dan situasi gereja sejak permulaan zaman hingga sekarang; sejarah ini mempunyai lima aspek utama:**
- A. Situasi pertama ialah: Situasi gereja yang mempunyai Kristus dalamnya; ini ditamsilkan oleh Tabut dalam tabernakal, dengan Tabut sebagai isi kandungan dan tabernakal sebagai ekspresinya; inilah gambaran tentang peringkat pertama

## SATU DAN DUA SAMUEL

### Mesej Empat (sambungan)

gereja yang berada dalam keadaan yang normal sepenuhnya, iaitu Kristus menjadi isi kandungan gereja dan gereja menjadi ekspresi Kristus—Kel. 40:34-38; Ef. 3:16-21.

- B. Situasi kedua ialah: Situasi gereja yang tidak mempunyai Kristus dalamnya; ini ditamsilkan oleh Tabut dirampas dan dipisahkan daripada tabernakal disebabkan kegagalan umat Tuhan; tabernakal menjadi kosong menggambarkan kegagalan orang Kristian yang menyebabkan gereja kehilangan realiti dan hadirat Kristus—Wahi 2:4-5; 3:20.
- C. Situasi ketiga ialah: Situasi yang mempunyai Kristus tanpa gereja; ini ditamsilkan oleh Tabut yang tidak mempunyai tabernakal; pertama, di rumah Abinadab di Kiryat-Yearim selama dua puluh tahun (1 Sam. 7:1-2) dan kemudian di rumah Obed-Edom orang Gat selama tiga bulan (2 Sam. 6:10-12), Tabut dipisahkan daripada tabernakal; sejarah gereja mewahikan bahawa sejak abad kedua hingga sekarang terdapat banyak Obed-Edom.
- D. Situasi keempat ialah: Situasi yang mempunyai Kristus dengan gereja yang serba kekurangan; Daud telah menyediakan satu khemah untuk Tabut di Yerusalem, tetapi ia bukan menurut bentuk asal yang diwahikan oleh Tuhan kepada Musa; banyak orang Kristian mempunyai Tabut—Kristus—dengan gereja yang serba kekurangan—ay. 17; 1 Taw. 15:1; 2 Taw. 1:4; Kel. 25:9.
- E. Situasi kelima ialah: Situasi yang mempunyai Kristus dengan gereja yang wajar; ini ditamsilkan oleh Tabut yang mempunyai tabernakal yang wajar yang telah diperbesar dan dipertingkatkan menjadi bait; dalam situasi inilah—Kristus sebagai realiti dengan gereja yang wajar sebagai ekspresi-Nya—kita berasa seperti di rumah sendiri—Mzm. 90:1-2; 91:1-16; 92:12-15; 132:5, 8; 1 Taw. 28:11-20; 2 Taw. 3:1.